Allahyarham Musa berpandangan jauh pembangunan pendidikan negara

Bernama - Jun 9, 2024 @ 5:24pm



Jenazah bekas Menteri Pendidikan, Allahyarham Tan Sri Musa Mohamad selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9 Kota Damansara, hari ini. Foto BERNAMA

PETALING JAYA: Bekas Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad ialah tokoh yang berpandangan jauh dan mempunyai idea baharu bagi pembangunan pendidikan negara, menurut Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.

Beliau berkata, antara sumbangan Allahyarham yang tidak diketahui ramai termasuk membangunkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini.

"TVET ketika itu dipanggil kursus vokasional yang menggunakan model dari Jerman dan kepakaran industri untuk mengajar pelajar secara terus.

"Pusat Pengajian Farmasi yang terkini di Malaysia pada ketika itu juga berjaya mengeluarkan graduan yang mendapat pekerjaan dalam bidang berkenaan, selain beliau turut membuka banyak lagi pusat pengajian terkini di universiti khususnya dalam bidang kejuruteraan," katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9 Kota Damansara, di sini hari ini.

Dzulkifli yang pernah memegang jawatan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) selama 11 tahun bermula 2000, memaklumkan Allahyarham Musa juga banyak menyumbang kepada pembangunan universiti itu semasa menjawat jawatan Naib Canselor dari 1982 hingga 1995.

"Ketika itu, kita tiada ranking (kedudukan universiti dunia), namun USM sentiasa dikenali dunia kerana hasil kerja yang dilakukan dan kebebasan yang diberi kepada pelajar dan penyelidik," katanya.

Allahyarham Musa, 81, menghembuskan nafas terakhir pada jam 7.12 malam Sabtu di pusat perubatan swasta di Petaling Jaya akibat kanser darah Mieloma berbilang.

Beliau adalah individu pertama bukan ahli politik memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan dari 1999 hingga 2004.

Allahyarham juga pernah memegang beberapa jawatan penting antaranya, Presiden Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Antarabangsa dari tahun 2001 hingga 2003. – BERNAMA